

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Petronas catat untung RM48.6 bilion

Petronas catat untung RM48.6 billion



TENGKU MUHAMMAD TAUFIK

KUALA LUMPUR - Petronas merekodkan untung selepas cukai berjumlah RM48.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, berbanding kerugian selepas cukai RM21 billion pada 2020, disikong harga bahan api yang semakin meningkat.

'Perolehan' berada pada paras RM248 billion berbanding 39 peratus lebih tinggi berbanding RM178.7 billion tahun sebelumnya, ini disebabkan impak harga yang menggalakkan bagi produk utama, sejajar dengan purata harga direalisasi yang lebih tinggi.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) pula meningkat 82 peratus kepada RM100.5 billion, hasil daripada perolehan lebih baik, namun sebahagian daripadanya diimbangi peningkatan kos produk.

Petronas turut membayar dividen berjumlah RM25 billion kepada kerajaan untuk tahun 2021.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz berkata, prestasi kukuh Petronas tahun lalu mencerminkan dedikasi tinggi oleh warga kerjanya.

Jelasnya, digabungkan dengan portfolio tenaga bersepadu dan mantap, Petronas mampu kekal berdaya tahan selepas dua tahun berdepan gangguan teruk pada ekosistem tenaga dan meletakkan kumpulan pada kedudukan lebih baik untuk memanfaatkan pemuliharan pasaran.

"Kami bakal melancarkan entiti bebas baharu pada pertengahan tahun ini, yang akan memfokuskan kepada penyelesaian tenaga bersih sepenuhnya, merangkumi tenaga boleh baharu, hidrogen dan mobiliti hijau.

"Selain itu, dengan penubuhan Unit Pengurusan Karbon berpusat di bawah perniagaan huluuan, kami akan memperse-

patkan usaha nyah karbon merentasi Kumpulan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi taklimat pengumuman keputusan kewangan Petronas untuk tahun 2021 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

Muhammad Taufik menambah, menerusi dua langkah tersebut, Petronas disasarkan untuk mengalami transformasi kepada sebuah superstore tenaga yang menyediakan pelanggan dengan rangkaian tenaga dan penyelesaian yang menggerakkan perniagaan, serta memacu kemajuan dengan cara yang mampan dan bertanggungjawab.

"2022 akan menjadi tahun di mana Petronas perlu menggiatkan usaha secara lebih bermakna dalam mengejar tujuannya untuk menjadi rakan penyelesaian tenaga progresif yang mengkayakan kehidupan untuk masa depan lestari," ujarnya.